

**SEMAKAN HARGA GAS ASLI
BAGI SEKTOR BUKAN ELEKTRIK
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

1. Semakan harga gas asli bagi sektor bukan elektrik di bawah pelan rasionalisasi subsidi negara diteruskan di mana subsidi harga gas asli dikurangkan secara beransur-ansur sebanyak RM1.50/mmBtu setiap enam bulan sehingga mencapai harga pasaran.
2. Berikutan pengurangan subsidi harga gas asli itu, serta peningkatan harga gas asli berasaskan *liquefied natural gas (LNG)*, tarif asas gas asli Gas Malaysia Berhad (GMB) ditetapkan pada kadar RM30.90/mmBtu bagi tempoh Januari hingga Jun 2018 sebagaimana yang telah dimaklumkan kepada pelanggan-pelanggan GMB pada Disember 2016. Tarif asas ini ditetapkan di bawah kerangka kerja kawal selia berasaskan insentif (*Incentive-Based Regulation - IBR*) yang turut merangkumi pelaksanaan mekanisme *Gas Cost Pass-Through (GCPT)*.
3. Melalui pelaksanaan mekanisme GCPT, Kerajaan turut memutuskan supaya surcaj sebanyak RM1.62/mmBtu daripada tarif asas dilaksanakan kepada kesemua kategori tarif pelanggan GMB berikutan harga sebenar gas asli berasaskan LNG melebihi harga yang diunjurkan di dalam tarif asas di dalam tempoh semakan GCPT.
4. Sehubungan itu, jadual kategori tarif gas asli bagi tempoh Januari hingga Jun 2018 ditetapkan seperti berikut:

Kategori Tarif	Purata Penggunaan Gas Tahunan (mmBtu)	Tarif Asas Semasa (RM/mmBtu)	Tarif Asas Bagi Tempoh 1 Januari - 30 Jun 2018 (RM/mmBtu)	Tarif Selepas Surcaj Bagi Tempoh 1 Januari - 30 Jun 2018 (RM/mmBtu)
A	Pengguna domestik	20.23	22.30	23.92
B	0 - 600	26.11	28.78	30.40
C	601 - 5,000	26.25	28.93	30.55
D	5,001 - 50,000	26.51	29.22	30.84
E	50,001 - 200,000	27.66	30.48	32.10
F	200,001 - 750,000	27.66	30.48	32.10
L	Melebihi 750,000	28.58	31.50	33.12
Purata		28.05	30.90	32.52